



Pusat Kokurikulum UPM Lancar 15 Buku Kemahiran Insaniah



Naib Canselor UPM, Prof. Datuk Dr. Nik Mustapha R. Abdullah melihat buku-buku Kemahiran Insaniah terbitan Pusat Kokurikulum, UPM sambil diperhatikan Pengarah Pusat Kokurikulum, Prof. Madya Dr. Mohammad Shatar Sabran(kiri), Timbalan Naib Canselor(HEPA), Prof. Dr. Azali Mohamed(tengah) dan Timbalan Naib Canselor Jaringan Industri dan Masyarakat, Prof. Dr. Tai Shzee Yew(belakang).

SERDANG, 10 Okt – Pusat Kokurikulum (PKK), Universiti Putra Malaysia (UPM) melancarkan 15 buku Kemahiran Insaniah (KI) selaras dengan penubuhannya sebagai pusat yang bertanggungjawab melahirkan graduan UPM yang berkualiti dan berdaya saing.

Pengarahnya, Prof. Madya Dr. Mohammad Shatar Sabran berkata buku yang dihasilkan oleh pegawai-pegawai PKK itu bukan sahaja untuk rujukan pelajar di UPM tetapi untuk semua pelajar di IPT Malaysia kerana kandungannya mampu dijadikan modul penting dalam melaksanakan pengajaran dan pembelajaran kursus berkaitan KI.

“Pusat Kokurikulum UPM merupakan agen dalam pembentukan KI graduan yang bakal dilahirkan oleh universiti saban tahun, justeru buku-buku ini menjadi perantara pihak kami dalam membantu semua pihak untuk memantapkan penguasaan KI dari segi penerapan dan aktiviti pelaksanaan tujuh elemen utama dalam KI.

“Tujuh elemen tersebut adalah Kemahiran Komunikasi, Pemikiran Kritis, Kemahiran Kerja Berpasukan, Pembelajaran Sepanjang Hayat, Kemahiran Keusahawanan, Etika dan Nilai Profesional dan Kemahiran Kepimpinan,” katanya pada majlis pelancaran Buku Kemahiran Insaniah dan Perasmian Malam Seni Budaya Kokurikulum Berkredit.

Menurutnya lagi, keberkesanan penerbitan buku-buku tersebut disampaikan melalui Malam Seni Budaya Kokurikulum Berkredit kerana segala persediaan untuk menjayakan majlis itu adalah usaha pelajar-pelajar yang mengikuti kelas Kokurikulum Berkredit bagi komponen Seni Budaya pada setiap semester.



Naib Canselor UPM, Prof. Datuk Dr. Nik Mustapha R. Abdullah menyempurnakan upacara pelancaran di Pusat Kesenian Kebudayaan Sultan salahuddin Abdul Aziz Shah, UPM.

Naib Canselor UPM, Prof. Datuk Dr. Nik Mustapha R. Abdullah berkata beliau melihat penerbitan buku KI sebagai perkembangan positif dalam usaha meningkatkan kebolehdapatan dan kebolehpasaran graduan UPM.

“Penerbitan buku-buku seperti ini perlu dimanfaatkan oleh pelajar dalam mengaplikasikan segala ilmu dan kemahiran yang dipelajari secara praktikal di samping mempersiapkan diri menghadapi persaingan bukan sahaja dari IPT dalam Malaysia tetapi juga institusi pendidikan tinggi global,” katanya.

Buku-buku KI tersebut terdiri daripada Modul Permulaan Graduan (*Starting School*), Modul Ketrampilan Graduan (*Finishing School*), Modul Ketrampilan Graduan (*Finishing School*) 2nd Version, *Modern Day Finishing School Experience From Los Angeles*, *Modern Day Finishing School Experience From Los Angeles 2nd Version*, Pelaksanaan Lengkap Khidmat Komuniti, Pelaksanaan Lengkap Khidmat Komuniti Khusus, Pelaksanaan Lengkap Khidmat Komuniti Umum, Kemahiran Kerja Berpasukan, Komunikasi Berkesan, Kemahiran Keusahawanan, Kemahiran Graduan Idaman Majikan, Rahsia Mahasiswa Cemerlang Universiti Putra Malaysia, Masalah Sosial Peranan Pekerja Sosial Dalam Membangunkan Modal Insan dan Isu Kontemporari Pembangunan Modal Insan Dari Perpektif Kerja Sosial.



Persembahan kebudayaan yang disertai oleh pelbagai kaum.